



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(20)  
Tarikh : 17 November 2012

## SIARAN MEDIA

### 25,000 PENYERTAAN LARIAN ! JOM KITAR SEMULA DAN HABITAT

**PUTRAJAYA, 17 November 2012** – Sebanyak 25,000 penyertaan berdaftar direkodkan bagi Larian Jom Kitar Semula pada tahun ini menurut Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah merasmikan Program Larian ! Jom Kitar Semula dan Habitat 2012 pada pagi ini.

Program yang diadakan serentak di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali di Selangor, Perak dan Pulau Pinang merupakan salah satu daripada beberapa program lain yang telah diatur sempena Hari Kitar Semula Kebangsaan.

Objektif program ini diadakan adalah untuk menggalakkan penyertaan dan memberi kesedaran kepada masyarakat dalam aktiviti kitar semula dan secara langsung untuk membudayakan cara hidup sihat di kalangan masyarakat.

Pelaksanaan program Larian Jom ! Kitar Semula dan Habitat 2012 pada tahun ini adalah berbeza di mana program ini diadakan secara serentak di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali Negeri Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Pelepasan larian seramai 7,000 orang dibuat oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di peringkat kebangsaan di Laman 1 Malaysia, Presint 2, Putrajaya manakala bagi negeri-negeri pelepasan dilaksanakan oleh Menteri Besar di negeri masing-masing.

Larian yang berkonsepkan kitar semula ini mengetepikan yuran pendaftaran seperti mana-mana larian yang lain. Uniknyanya larian ini ialah pendaftarannya hanyalah 5 naskhah surat khabar atau 10 botol plastik atau 10 kotak tetra pek atau 10 tin aluminium. Penggunaan barang kitar semula ini menggantikan wang pendaftaran ini adalah penggalak kepada kesedaran kitar semula serta membudayakan cara hidup sihat. Bagi acara tahun ini, pemenang bagi setiap kategori akan menerima wang tunai, medal dan sijil penyertaan. 10 kategori pertandingan larian yang dipertandingkan ialah:

- Murid Sekolah Lelaki (3km)
- Murid Sekolah Perempuan (3km)
- Remaja Lelaki (7km)
- Remaja Perempuan (7km)
- Dewasa Lelaki (10 km)
- Dewasa Wanita (10km)
- Veteran Lelaki (5km)
- Veteran Wanita (5km)
- Fun Run Terbuka (3km)

Larian Jom Kitar semula ini adalah anjuran bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mail : pro@kpkt.gov.my